



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Aras 14-19, Menara Tun Ismail Mohamed Ali
No. 25, Jalan Raja Laut
50582 Kuala Lumpur

Telefon : (03) 26165408 - Pengurusan (P)
(03) 26165055 - Pengurusan (K)
(03) 26165056 - Pentadbiran
Faks : (03) 26977157 - Pengarah (K)
(03) 26915602 - Pentadbiran
Laman Web : <http://www.jkr.gov.my>



43
Ruj. Kami: () dlm. JKR:UB123/
BPKK/ 021.050/09 Jld. 2

Tarikh: 1 April 2016

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

KELULUSAN STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) JAWATANKUASA PELANTIKAN PERUNDING JABATAN KERJA RAYA (JPPJ) DAN LAPORAN PEMANTAUAN PERUNDING

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Kewangan telah meluluskan *Standard Operating Procedures* (SOP) JPPJ melalui surat rujukan S/K.KEW/PK/MOF/D/30 SK8(10) bertarikh 9 Mac 2015 berkuatkuasa mulai 1 April 2016 bertujuan untuk memperkemas tatacara pelantikan perkhidmatan perunding sedia ada. Selaras dengan kelulusan tersebut, Kementerian Kewangan telah mengarahkan agar pematuhan sepenuhnya ke atas SOP JPPJ dilaksanakan bagi semua perolehan perkhidmatan perunding di Jabatan Kerja Raya Malaysia.

3. Melalui surat tersebut, Kementerian Kewangan juga telah mengarahkan agar JKR mengemukakan rekod lantikan dan prestasi perunding bagi semua projek/ kajian yang dilaksanakan oleh Negeri/Cawangan/Bahagian di JKR ke dalam Modul Merekod Lantikan dan Modul Penilaian Prestasi dalam Sistem ePerunding mulai 1 Januari 2009 dan mengemukakan cetakan laporan daripada Sistem ePerunding ke Kementerian Kewangan melalui JPPJ berdasarkan format pelaporan seperti yang dinyatakan pada Perkara 13 SOP JPPJ.

En. Shahainul,

Mohon memuatnaik
ke web ckub untuk
kebahasan.

Reu
4/4/16


Ph. Ropiah
u/t

...2/

4/4



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 4001



CERTIFIED TO ISO 14001: 2004
CERT. NO.: ER 0281



Ruj. Kami: () dlm. JKR:UB123/
BPKK/ 021.050/09 Jld. 2
Tarikh: 1 April 2016

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan adalah dipohon untuk mengemukakan laporan sebagaimana yang diarahkan oleh Kementerian Kewangan berdasarkan jadual berikut :

Lantikan Berdasarkan Tarikh Kelulusan PBM (JPPJ/LP'A/MOF)	Maklumat Yang Dipohon	Tarikh Akhir Dikemukakan ke JPPJ
1 Jan 2009 – 31 Dis 2009	- Lantikan Perunding; dan - Prestasi Perunding	24 Mei 2016
1 Jan 2010 – 31 Dis 2010	- Lantikan Perunding; dan - Prestasi Perunding	23 Jun 2016
1 Jan 2011 – 31 Dis 2011	- Lantikan Perunding; dan - Prestasi Perunding	21 Julai 2016
1 Jan 2012 – 31 Dis 2012	- Lantikan Perunding; dan - Prestasi Perunding	23 Ogos 2016
1 Jan 2013 – 31 Dis 2013	- Lantikan Perunding; dan - Prestasi Perunding	23 September 2016
1 Jan 2014 – 31 Dis 2014	- Lantikan Perunding; dan - Prestasi Perunding	24 Oktober 2016
1 Jan 2015 – 31 Dis 2015	- Lantikan Perunding; dan - Prestasi Perunding	23 November 2016
1 Jan 2016 – 31 Dis 2016	- Lantikan Perunding; dan - Prestasi Perunding	Setiap 3 bulan

6. Bagi pejabat yang belum mengemukakan senarai pegawai yang bertanggungjawab untuk mengemaskini maklumat di dalam sistem ePerunding, pihak tuan adalah diingatkan untuk mengemukakan senarai Pegawai Meja dan Pegawai Penyemak beserta permohonan pendaftaran ID ePerunding (sekiranya belum didaftarkan) untuk proses kelulusan sebagaimana surat pejabat ini rujukan (41)dlm. JKR:UB123/BPP/021.050/09 Jld.2 bertarikh 4 Mac 2016 **selewat-lewatnya pada 8 April 2016.**

Ruj. Kami: () dlm. JKR:UB123/
BPKK/ 021.050/09 Jld. 2

Tarikh: \ April 2016

5. Bersama-sama ini disertakan salinan *Standard Operating Procedure* (SOP) JPPJ yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk tindakan pihak tuan selanjutnya. Surat Arahan KPKR berhubung perkara ini akan dikeluarkan dalam masa terdekat .

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA” & “CINTAILAH BAHASA KITA”

Saya yang menurut perintah,



 (Sr RATNA BINTI HJ. MAHYUDDIN)
Pengarah Kanan
Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Kuala Lumpur

s.k.

1. Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)
3. Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)
4. Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)

SENARAI EDARAN :

Pengarah Kanan
Cawangan Arkitek
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 10, Menara Tun Ismail Mohamed Ali
Jalan Raja Laut
50350 KUALA LUMPUR
(u.p: Pn. Norsiah Hassan)

Pengarah Kanan
Cawangan Kejuruteraan Awam & Struktur
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 4-10, Blok G
Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR
(u.p: Ir. Che Mimi Suriyani bt. Ismail)

Pengarah Kanan
Cawangan Kejuruteraan Jalan
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 26, Menara PJD
No. 50, Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR
(u.p: Pn. Nur Hasyimah bt. Mahasan)

Bahagian Ukur Tanah
Cawangan Pangkalan Udara & Maritim
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 19, Menara PJD
No. 50, Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR
(u.p: En. Noor Helmy b. Noordin)

43
Ruj. Kami: () dlm. JKR:UB123/
BPKK/ 021.050/09 Jld. 2
Tarikh: | April 2016

SENARAI EDARAN :

Pengarah Kanan
Cawangan Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 23, Menara PJD
No. 50, Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR
(u.p: En. Azlan Abdullah)

Pengarah Kanan
Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 25, Blok G
Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR
(u.p: Pn. Siti Hajar bt. Ab. Samad)

Pengarah Kanan
Cawangan Kejuruteraan Elektrik
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 11, Blok G
Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR
(u.p: Ir. Nor Aza bt. Mohamed Hussin)



Pengarah Kanan
Cawangan Kontrak & Ukur Bahan
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 19, Menara Tun Ismail Mohamed Ali
Jalan Raja Laut
50350 KUALA LUMPUR
(u.p: Sr. Soon Chooi Mee)



**PROSEDUR OPERASI PIAWAI
(*STANDARD OPERATING
PROCEDURES*)
PEROLEHAN PERKHIDMATAN
PERUNDING JABATAN KERJA
RAYA MALAYSIA**

PROSEDUR OPERASI PIAWAI
(STANDARD OPERATING PROCEDURES)
PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

<u>KANDUNGAN</u>	<u>M.S.</u>
AKRONIM	3
1. OBJEKTIF.....	4
2. SKOP.....	4
2.1 Lantikan Nama Perunding	4
2.2 Kos Perkhidmatan Perunding	4
2.3 Tempoh Perjanjian Perkhidmatan Perunding	5
3. RUJUKAN DAN PEMAKAIAN DASAR YANG BERKUATKUASA	5
4. PENUBUHAN JAWATANKUASA PENILAIAN PERUNDING (JPP)	5
4.1 Pelantikan, Keahlian dan Tanggungjawab JPP (termasuk Urusetia)	5
5. PIHAK BERKUASA MELULUS (PBM)	9
5.1. Penubuhan dan Had Nilai Kuasa Melulus PBM.....	9
6. PROSEDUR PERMOHONAN PELANTIKAN PERUNDING	9
6.1 Saluran permohonan	9
6.2 Kaedah Perolehan Perkhidmatan Perunding	10
6.3 Kriteria Asas Penilaian Perunding Secara Lantikan Terus Berserta Kos Siling	11
6.4 Kriteria asas Penilaian Perunding Secara Lantikan Melalui Tender (Terhad/Terbuka)	11
7. KOS PERKHIDMATAN PERUNDING	12
7.1 Input Masa (<i>Man-month</i>).....	12
7.2 Gaji Pokok (GP)	12
7.3 Faktor Pengganda (FP)	12
7.4 Bayaran <i>Abortive Fee</i> Perunding	12
8. TEMPOH PERKHIDMATAN PERUNDING.....	13
8.1 Anggaran Tempoh Perkhidmatan Perunding	13
8.2 Pelanjutan Tempoh Perjanjian Perkhidmatan Perunding	13
9. DOKUMEN PERJANJIAN BAGI PROJEK AMBIL ALIH DARIPADA AGENSI LAIN	13
10. PENILAIAN PRESTASI PERKHIDMATAN PERUNDING	13
11. BAYARAN CUKAI	14
12. SENARAI SEMAKAN PERMOHONAN.....	14



13. FORMAT PELAPORAN PERKHIDMATAN PERUNDING KEPADA KEMENTERIAN KEWANGAN	14
SENARAI SEMAK PERMOHONAN.....	17

PROSEDUR OPERASI PIUWAI
(STANDARD OPERATING PROCEDURES)
PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

AKRONIM

Akronim	Singkatan Kepada
AP	Arahan Perbendaharaan
ACDA	<i>As Completed Detailed Abstract</i>
BAM	<i>Board of Architects Malaysia</i>
BEM	<i>Board of Engineers Malaysia</i>
BQSM	<i>Board of Quantity Surveyors of Malaysia</i>
CKUB	Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan
CTK	Cadangan Teknikal dan Kos
CSA	<i>Consultancy Service Agreement</i>
C&S	<i>Civil & Structure</i>
CCP	<i>Contract Coordination Panel</i>
FP	Faktor Pengganda
GP	Gaji Pokok
GR	<i>Government's Representative</i>
GST	<i>Goods and Services Tax</i>
HOPT	<i>Head of Project Team</i>
HODT	<i>Head of Design Team</i>
ICT	<i>Information and Communication Technologies</i>
IM	Input Masa
JKDM	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
JKR	Jabatan Kerja Raya Malaysia
JKSH	Jawatankuasa Sebut Harga
JPP	Jawatankuasa Penilaian Perunding
JPPJ	Jawatankuasa Pelantikan Perunding Jabatan
KKR	Kementerian Kerja Raya
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LTBKS	Lantikan Terus Berserta Kos Siling
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MOF	Kementerian Kewangan Malaysia
MPPP	Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding
M&E	<i>Mechanical & Electrical</i>
PBM	Pihak Berkuasa Melulus
QS	<i>Quantity Surveyor</i>
RSA	<i>Road Safety Auditor</i>
SAP	Surat Arahan Perbendaharaan
SO	Pegawai Penguasa – <i>Superintending Officer</i>
SOF	<i>Scale Of Fees</i>
SOP	<i>Standard Operating Procedures</i>
TOR	<i>Terms of Reference</i>



**PROSEDUR OPERASI PIAWAI
(STANDARD OPERATING PROCEDURES)
PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

1. OBJEKTIF

Kementerian Kewangan (MOF) pada 23 Mac 2011 telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2011 (SPP 2/2011) untuk tujuan penguatkuasaan ke atas semua Agensi Kerajaan berkaitan dengan perolehan perkhidmatan perunding. SPP 2/2011 kemudiannya telah ditukarkan kepada 1PP/PK3 sejak 3 Jun 2014 di mana semua peraturan perolehan perunding adalah seperti berikut:

- PK 3.1 - Perolehan Perkhidmatan Perunding
- PK 3.2 - Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011 (MPPP 2011)
- PK 3.3 - Pentadbiran Kontrak dan Format Perjanjian Piawai Perunding

Selain daripada pematuhan ke atas 1PP/PK3, pekeliling perolehan lain dan kewangan yang sedang berkuat kuasa, Prosedur Operasi Piawai (*Standard Operating Procedure – SOP*) ini juga telah disediakan sebagai peraturan tambahan kepada pekeliling sedia ada dan juga untuk tujuan penyeragaman proses kerja bagi semua Cawangan di Ibu Pejabat JKR, JKR Negeri dan JKR Unit Khas.

2. SKOP

SOP ini diguna pakai oleh semua Cawangan di Ibu Pejabat JKR, JKR Negeri dan JKR Unit Khas yang melaksanakan perolehan perkhidmatan perunding di bawah semua butiran peruntukan Kerajaan Persekutuan. Perolehan perkhidmatan perunding melibatkan perkara-perkara di bawah:

2.1 Lantikan Nama Perunding

- 2.1.1 Lantikan Terus Beserta Kos Siling (LTBKS);
- 2.1.2 Tender Terhad;
- 2.1.3 Tender Terbuka (Tanpa Pra-Kelayakan); dan
- 2.1.4 Tender Terbuka (Melalui Pra-Kelayakan)

2.2 Kos Perkhidmatan Perunding

- 2.2.1 Yuran Perunding dan Kos Imbuhan Balik;
- 2.2.2 Tambahan Kos Perkhidmatan Perunding;
- 2.2.3 Pelarasan Kos Perkhidmatan Perunding; dan
- 2.2.4 Memuktamadkan Kos Perkhidmatan Perunding



2.3 Tempoh Perjanjian Perkhidmatan Perunding

- 2.3.1. Penentuan Tempoh Perkhidmatan Perunding; dan
- 2.3.2. Lanjutan Tempoh Perjanjian Perunding

3. RUJUKAN DAN PEMAKAIAN DASAR YANG BERKUATKUASA

Mana-mana perkara yang tidak dinyatakan di dalam SOP ini hendaklah mematuhi peraturan di bawah:

- 1PP (Pekeliling Perbendaharaan Malaysia) :
 - PK 3.1 - Perolehan Perkhidmatan Perunding
 - PK 3.2 - Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011 (Pindaan Kedua)
 - PK 3.3 - Pentadbiran Kontrak dan Format Perjanjian Piawai Perunding
- Arahan Perbendaharaan (AP)
- Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya
- Manual Sistem ePerunding

4. PENUBUHAN JAWATANKUASA PENILAIAN PERUNDING (JPP)

4.1 Pelantikan, Keahlian dan Tanggungjawab JPP (termasuk Urusetia)

1PP/PK3.2/Perenggan 4.1, 4.2 dan 4.3 dalam MPPP 2011 telah menetapkan syarat-syarat pelantikan, keahlian dan tanggungjawab JPP (termasuk Urusetia). Bagi tujuan penyeragaman di peringkat JKR, syarat-syarat tambahan adalah seperti berikut:

- 4.1.1 Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan di Ibu Pejabat JKR, Pengarah JKR Negeri dan Pengarah JKR Unit Khas yang berkenaan hendaklah menubuhkan dan melantik secara rasmi JPP masing-masing seperti **Jadual 1** dan **Jadual 2** dengan ahlinya dilantik secara bertulis.
- 4.1.2 MOF telah menetapkan bahawa Bahagian/Unit di Cawangan, JKR Negeri dan JKR Unit Khas yang berkenaan hendaklah menjadi Ketua Urusetia kepada JPP yang berkenaan. Komposisi Urusetia JPP adalah seperti di **Jadual 1** dan **Jadual 2** yang turut perlu dilantik secara bertulis. Selaras dengan itu, kebenaran penubuhan JPP Kecil adalah tidak lagi terpakai bagi JKR.
- 4.1.3 Pengerusi dan Ahli JPP adalah terdiri dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P).
- 4.1.4 JPP boleh ditubuhkan secara tetap atau *ad hoc* mengikut keperluan projek/kajian dan kapasiti masing-masing.
- 4.1.5 Korum mesyuarat adalah empat (4) orang termasuk Pengerusi.



PROSEDUR OPERASI PIAWAI
(STANDARD OPERATING PROCEDURES)
PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

- 4.1.6 Pengerusi/Ahli JPP yang bagi sesuatu projek/kajian tidak boleh menjadi Pengerusi/Ahli PBM yang akan meluluskan perolehan perunding bagi projek/kajian tersebut bagi mengelakkan *Conflict of Interest*.

SOP-JPPI-6



Jadual 1
Penubuhan JPP Peringkat Cawangan Sektor Pakar Ibu Pejabat JKR

A. Projek Pembangunan Fizikal/Kajian Fizikal/Kerja Ukur Tanah	
Pengerusi	Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan/Wakil (J54)
Ahli Tetap	1. Wakil HOPT Cawangan yang berkenaan. 2. Wakil Cawangan Pakar (HODT) yang menguruskan perolehan perkhidmatan perunding berkenaan. 3. Juruukur Bahan daripada CKUB atau mana-mana Juruukur Bahan daripada Cawangan/Bahagian/Unit lain. 4. Wakil KKR diwajibkan bagi projek di bawah Butiran P27 Minimum korum mesyuarat adalah 4 orang termasuk pengerusi
*Urusetia	1. Ketua Urusetia – mana-mana pegawai JKR yang kompeten, berkeelayakan dan berpengalaman daripada kumpulan P&P; dan 2. Dua (2) orang pembantu ketua urusetia – mana-mana pegawai JKR yang kompeten, berkeelayakan dan berpengalaman daripada kumpulan P&P/Sokongan. * Selain daripada tugas di 1PP/PK3.2/Perenggan 4.3, Ketua Urusetia dan pembantu-pembantu ketua urusetia adalah dikehendaki untuk membantu JPP seperti berikut: (a) Memproses, menyemak, melaksanakan <i>due-diligence</i> dan menyediakan kertas perakuan ke atas semua permohonan perolehan perunding yang melibatkan perenggan 2.1 hingga 2.3 di atas untuk dimuktamadkan oleh Pengerusi dan Ahli JPP sebelum diperakukan kepada PBM untuk kelulusan; dan (b) Menilai dan menyediakan kertas perakuan ke atas Cadangan Teknikal dan Kos perunding bagi LTBKS/Tender Terhad/Tender Terbuka untuk dimuktamadkan oleh Pengerusi dan Ahli JPP sebelum diperakukan kepada PBM untuk kelulusan. (c) Walau bagaimanapun, Pengerusi dan Ahli JPP adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perakuan yang disediakan.
B. Kajian Bukan Fizikal	
Pengerusi	Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan/Wakil (J54)
Ahli Tetap	1. Sekurang-kurangnya 3 ahli daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional daripada mana-mana Cawangan yang sesuai. 2. Bagi kajian/pembangunan ICT, Wakil MAMPU (Skim F) adalah diwajibkan. 3. Wakil KKR diwajibkan bagi projek di bawah Butiran P27 Minimum korum mesyuarat adalah 3 orang termasuk pengerusi (jika melibatkan ICT, kehadiran wakil MAMPU adalah mandatori)
*Urusetia	1. Ketua Urusetia – mana-mana pegawai JKR yang kompeten, berkeelayakan dan berpengalaman daripada kumpulan P&P; dan 2. Dua (2) orang pembantu ketua urusetia – mana-mana pegawai JKR yang kompeten, berkeelayakan dan berpengalaman daripada kumpulan P&P/Sokongan. * Selain daripada tugas di 1PP/PK3.2/Perenggan 4.3, Ketua Urusetia dan pembantu-pembantu ketua urusetia adalah dikehendaki untuk membantu JPP seperti berikut: (a) Memproses, menyemak, melaksanakan <i>due-diligence</i> dan menyediakan kertas perakuan ke atas semua permohonan perolehan perunding yang melibatkan perenggan 2.1 hingga 2.3 di atas untuk dimuktamadkan oleh Pengerusi dan Ahli JPP sebelum diperakukan kepada PBM untuk kelulusan; dan (b) Menilai dan menyediakan kertas perakuan ke atas Cadangan Teknikal dan Kos perunding bagi LTBKS/Tender Terhad/Tender Terbuka untuk dimuktamadkan oleh Pengerusi dan Ahli JPP sebelum diperakukan kepada PBM untuk kelulusan. (c) Walau bagaimanapun, Pengerusi dan Ahli JPP adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perakuan yang disediakan.



Jadual 2
Penubuhan JPP Peringkat JKR negeri dan JKR Unit Khas

A. Kerja Ukur Tanah	
Pengerusi	Pengarah JKR Negeri / Pengarah JKR Unit Khas / Wakil (Ketua Bahagian berkenaan)
Ahli Tetap	1. Dua (2) orang ahli daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional. 2. Seorang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional daripada Unit Ukur Tanah, Cawangan Pangkalan Udara dan Maritim (jika diperlukan). 3. Wakil Bahagian/Unit Ukur Bahan (Juruukur Bahan) Minimum korum mesyuarat adalah 4 orang termasuk pengerusi
*Urusetia	1. Ketua Urusetia – mana-mana pegawai JKR yang kompeten, berkeelayakan dan berpengalaman daripada kumpulan P&P; dan 2. Dua (2) orang pembantu ketua urusetia – mana-mana pegawai JKR yang kompeten, berkeelayakan dan berpengalaman daripada kumpulan P&P/Sokongan. * Selain daripada tugas di 1PP/PK3.2/Perenggan 4.3, Ketua Urusetia dan pembantu-pembantu ketua urusetia adalah dikehendaki untuk membantu JPP seperti berikut: (a) Memproses, menyemak, melaksanakan <i>due-diligence</i> dan menyediakan kertas perakuan ke atas semua permohonan perolehan perunding yang melibatkan perenggan 2.1 hingga 2.3 di atas untuk dimuktamadkan oleh Pengerusi dan Ahli JPP sebelum diperakukan kepada PBM untuk kelulusan; dan (b) Menilai dan menyediakan kertas perakuan ke atas Cadangan Teknikal dan Kos perunding bagi LTBKS/Tender Terhad/Tender Terbuka untuk dimuktamadkan oleh Pengerusi dan Ahli JPP sebelum diperakukan kepada PBM untuk kelulusan. (c) Walau bagaimanapun, Pengerusi dan Ahli JPP adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perakuan yang disediakan.
B. Kajian Fizikal (Alam Sekitar)	
Pengerusi	Pengarah JKR Negeri / Pengarah JKR Unit Khas / Wakil (Ketua Bahagian berkenaan)
Ahli Tetap	1. Dua (2) orang ahli daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional 2. Wakil Bahagian/Unit Ukur Bahan (Juruukur Bahan) Minimum korum mesyuarat adalah 3 orang termasuk pengerusi
*Urusetia	1. Ketua Urusetia – mana-mana pegawai JKR yang kompeten, berkeelayakan dan berpengalaman daripada kumpulan P&P; dan 2. Dua (2) orang pembantu ketua urusetia – mana-mana pegawai JKR yang kompeten, berkeelayakan dan berpengalaman daripada kumpulan P&P/Sokongan. * Selain daripada tugas di 1PP/PK3.2/Perenggan 4.3, Ketua Urusetia dan pembantu-pembantu ketua urusetia adalah dikehendaki untuk membantu JPP seperti berikut: (a) Memproses, menyemak, melaksanakan <i>due-diligence</i> dan menyediakan kertas perakuan ke atas semua permohonan perolehan perunding yang melibatkan perenggan 2.1 hingga 2.3 di atas untuk dimuktamadkan oleh Pengerusi dan Ahli JPP sebelum diperakukan kepada PBM untuk kelulusan; dan (b) Menilai dan menyediakan kertas perakuan ke atas Cadangan Teknikal dan Kos perunding bagi LTBKS/Tender Terhad/Tender Terbuka untuk dimuktamadkan oleh Pengerusi dan Ahli JPP sebelum diperakukan kepada PBM untuk kelulusan. (c) Walau bagaimanapun, Pengerusi dan Ahli JPP adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perakuan yang disediakan.

5. PIHAK BERKUASA MELULUS (PBM)

5.1. Penubuhan dan Had Nilai Kuasa Melulus PBM

Penubuhan dan had nilai kuasa PBM adalah berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (MPPP 2011 Pindaan Kedua/Terkini).

Semua Cawangan di Ibu Pejabat JKR/JKR Negeri/JKR Unit Khas yang tidak mempunyai PBM di peringkat Jawatankuasa Sebut Harga untuk meluluskan perolehan perkhidmatan perunding mengikut had nilai yang telah ditetapkan hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jawatankuasa Pelantikan Perunding Jabatan (JPPJ) untuk pertimbangan dan kelulusan.

Sekiranya keputusan PBM tidak sebulat suara, keputusan perlu dimuktamadkan di peringkat PBM yang lebih tinggi, iaitu JPPJ untuk pertimbangan dan kelulusan. Jika keputusan pada peringkat JPPJ juga tidak sebulat suara, maka keputusan perlu dimuktamadkan di peringkat Kementerian Kewangan.

6. PROSEDUR PERMOHONAN PELANTIKAN PERUNDING

6.1 Saluran permohonan

- 6.1.1 Bagi projek di bawah semua butiran peruntukan selain peruntukan Kerajaan Persekutuan Butiran P27, permohonan bagi pelantikan perunding sama ada bagi kelulusan JPPJ atau Kementerian Kewangan hendaklah dikemukakan oleh JPP Cawangan di Ibu Pejabat JKR/JKR Negeri/JKR Unit Khas berkenaan kepada:

Urusetia,
Jawatankuasa Pelantikan Perunding Jabatan (JPPJ),
Bahagian Pengurusan Perolehan,
Cawangan Kontrak & Ukur Bahan,
Tingkat 15, Menara Tun Ismail Mohamed Ali,
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2616 5408
Faks: 03-2697 7335

- 6.1.2 Bagi projek di bawah Peruntukan Kerajaan Persekutuan Butiran P27, permohonan hendaklah dikemukakan kepada:-

Bahagian Pembangunan dan Penswastan,
Kementerian Kerja Raya Malaysia
Tingkat 4, Blok A,
Kompleks Kerja Raya,
Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur.



- 6.1.3 Semua permohonan perolehan perkhidmatan perunding daripada JKR Negeri/ JKR Unit Khas untuk keputusan JPPJ/Lembaga Perolehan KKR (Butiran P27) hendaklah disalurkan melalui Cawangan Sektor Pakar berkenaan yang akan bertanggungjawab untuk membuat penilaian dan pengesyoran sebelum dikemukakan kepada Urusetia JPPJ.

6.2 Kaedah Perolehan Perkhidmatan Perunding

Aliran proses kerja dan tempoh masa bagi setiap peringkat untuk permohonan yang teratur dan lengkap mengikut kategori seperti berikut:-

6.2.1 Pelantikan Perunding Bagi Projek Baru

Kaedah pelantikan adalah berdasarkan prosedur yang ditetapkan di dalam 1PP/PK3 bagi :

- (a) **Lantikan Terus Berserta Kos Siling (LTBKS)**
 - Kaedah adalah berdasarkan SOP yang telah diluluskan oleh MOF seperti di perenggan 6.3 dan **Lampiran 1**.
- (b) **Tender Terhad**
 - Kaedah adalah seperti ditetapkan di dalam 1PP/PK3.2
- (c) **Tender Terbuka (Tanpa Pra Kelayakan)**
 - Kaedah adalah seperti ditetapkan di dalam 1PP/PK3.2
- (d) **Tender Terbuka (Melalui Pra Kelayakan)**
 - Kaedah adalah seperti ditetapkan di dalam 1PP/PK3.2

6.2.2 Pelantikan Perunding Bagi Projek Ambil alih Daripada Agensi Pelanggan

Terdapat 2 keadaan pelantikan perunding bagi projek yang diambil alih daripada Agensi Pelanggan untuk dilaksanakan oleh JKR iaitu:

- (a) **Pelantikan Perunding Belum Dilaksanakan Agensi Pelanggan**

Kaedah pelantikan perunding adalah seperti di perenggan 6.2.1 di atas.
- (b) **Pelantikan Perunding Telah Dilaksanakan Agensi Pelanggan**

Sekiranya pelantikan perunding telah dilaksanakan oleh Agensi Pelanggan, keputusan pelantikan perunding tersebut hendaklah dimaklumkan kepada JPPJ. Rujuk Carta Alir Proses Kerja Pelantikan Perunding Bagi Projek Ambil alih Daripada Agensi Pelanggan (**Lampiran 2**).



6.2.3 Pelantikan Perunding Bagi Projek Reka Bina kepada Konvensional (Projek Tender Semula)

Bagi projek Reka & Bina yang telah ditamatkan kontrak dan di tender semula secara konvensional, pelantikan perunding asal perlulah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu.

6.3 Kriteria Asas Penilaian Perunding Secara Lantikan Terus Berserta Kos Siling

JPP dan PBM adalah bertanggungjawab sepenuhnya memastikan pemilihan dan pelantikan perunding terutamanya melalui kaedah lantikan terus berserta kos siling hendaklah tidak menjurus kepada hanya perunding yang sama sahaja atau mengamalkan "*favouritism*" ke atas mana-mana perunding. JPP dan PBM adalah bertanggungjawab memberi peluang kepada perunding-perunding lain yang turut telah berdaftar dengan MOF sekiranya mematuhi kriteria-kriteria di bawah. Pemilihan, penyenaraian pendek dan pelantikan perunding hendaklah adil, telus dan semua perunding haruslah diberi peluang yang sama untuk menyertai perolehan perunding. Keutamaan hendaklah diberikan kepada perunding yang masih belum pernah menerima sebarang lantikan daripada Kerajaan/JKR atau dalam tempoh tiga (3) tahun terkini tertakluk menepati kriteria-kriteria berikut:

- 6.3.1 Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan dan Lembaga Profesional masing-masing adalah masih aktif sepanjang tempoh pelaksanaan projek;
- 6.3.2 Mempunyai bilangan kakitangan profesional yang mencukupi dan bersesuaian dengan kompleksiti projek;
- 6.3.3 Bebas daripada sebarang sabitan kesalahan jenayah oleh mahkamah atau tindakan tatatertib/penyenaraian hitam oleh MOF/Lembaga Profesional/Agensi Kerajaan;
- 6.3.4 Jumlah kerja dalam tangan perunding adalah tidak terlalu tinggi sehingga boleh menjejaskan prestasi di dalam projek yang akan ditawarkan;
- 6.3.5 Prestasi perunding yang baik bagi projek-projek lampau;
- 6.3.6 Bagi projek kompleks dan berisiko tinggi, keutamaan diberikan kepada Pengarah/Prinsipal Firma yang mempunyai pengalaman yang seumpama dalam projek berkenaan; dan
- 6.3.7 Bagi projek yang melibatkan peringkat penyeliaan tapak, keutamaan diberikan kepada Ibu Pejabat atau cawangan perunding yang mempunyai lokasi berhampiran dengan-negeri projek berkenaan.

6.4 Kriteria asas Penilaian Perunding Secara Lantikan Melalui Tender (Terhad/Terbuka)

Penetapan kriteria dan sub kriteria penilaian perunding secara lantikan melalui tender adalah merujuk kepada 1PP/PK3.2/Perenggan 10.



7. KOS PERKHIDMATAN PERUNDING

7.1 Input Masa (*Man-month*)

Kaedah bayaran secara Input masa hendaklah digunakan bagi keadaan berikut:-

- 7.1.1 *Additional Services* (Bidang Perkhidmatan Perunding Arkitek, Kejuruteraan dan Ukur Bahan)*;
- 7.1.2 *Supervision On Site* (Bidang Perkhidmatan Perunding Kejuruteraan)*;
- 7.1.3 *Special Services* (Bidang perkhidmatan perunding Arkitek)*;
- 7.1.4 Perkhidmatan Perunding *Road Safety Auditor (RSA)* – Gaji pokok adalah berdasarkan skala gaji yang ditetapkan dalam 1PP/PK3.2/Perenggan 5;
- 7.1.5 Pengiraan baki kerja untuk penyediaan semula dokumen tender bagi projek-projek yang dimansuhkan/terbengkalai; dan
- 7.1.6 Kajian Fizikal dan Bukan Fizikal.

* Definisi *Additional Services*, *Supervision On Site* dan *Special Services* perlulah merujuk kepada dokumen perjanjian piawai (CSA) bidang Arkitek, Kejuruteraan dan Ukur Bahan.

7.2 Gaji Pokok (GP)

Gaji Pokok bagi kakitangan tetap firma adalah berdasarkan slip penyata gaji semasa, penyata KWSP dan Sijil Kelayakan Akademik kakitangan berkenaan, manakala bagi kakitangan sementara adalah berdasarkan skala gaji yang ditetapkan dalam 1PP/PK3.2/Perenggan 5.

7.3 Faktor Pengganda (FP)

Faktor Pengganda yang ditetapkan adalah pengganda maksima yang telah mengambil kira setiap perincian komponen berkaitan iaitu maksima 2.70 bagi kakitangan ikhtisas dan 2.10 bagi kakitangan separa ikhtisas. Walau bagaimanapun ini tertakluk kepada kadar FP yang ditawarkan oleh pihak perunding dengan syarat tidak melebihi FP maksima tersebut.

7.4 Bayaran *Abortive Fee* Perunding

Selaras dengan surat MOF bil. (5) dalam rujukan S/K.KEW/PK/MOF/D/29 JLD. 3 Sk 7 bertarikh 29 Mei 2015, semua permohonan/pertikaian yang melibatkan *abortive fee* perunding bagi Surat Setuju Terima/Kontrak Formal yang telah ditandatangani hendaklah dimajukan kepada JPPJ untuk pertimbangan dan kelulusan melalui semakan dan perakuan JPP Cawangan yang memohon. Manakala bagi permohonan/pertikaian yang melibatkan *abortive-fee* perunding yang tiada Surat Setuju Terima hendaklah dibawa kepada MOF untuk pertimbangan dan kelulusan melalui perakuan Jawatankuasa *Contract Coordination Panel (CCP)* JKR.

8. TEMPOH PERKHIDMATAN PERUNDING

8.1 Anggaran Tempoh Perkhidmatan Perunding

Faktor-faktor yang diambil kira untuk menentukan tempoh perkhidmatan perunding (meliputi perkhidmatan peringkat pra-kontrak/reka bentuk, perolehan, pembinaan, tempoh tanggungan kecacatan, penyediaan perakuan muktamad dan ACDA) ialah:-

8.1.1 Kos

8.1.2 Kompleksiti

8.1.3 Tempoh Keseluruhan Projek/kajian yang ingin dilaksanakan

8.2 Pelanjutan Tempoh Perjanjian Perkhidmatan Perunding

Sekiranya perjanjian perkhidmatan perunding perlu dilanjutkan, permohonan lanjutan perlu dikemukakan sekurang-kurang 3 (tiga) bulan lebih awal sebelum tarikh tamat perjanjian untuk pertimbangan dan kelulusan JPPJ.

Selaras dengan 1PP/PK3.3/Perenggan 2.8.4, semua permohonan lanjutan tempoh kontrak bagi perkhidmatan perunding yang telah tamat, hendaklah dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan Pegawai Pengawal di mana Pegawai Pengawal bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kelulusan yang diberikan. Surat MOF bil. (4) dalam rujukan S/K.KEW/PK/MOF/D/30 SK.8 bertarikh 26 Februari 2015 telah menurunkan kuasa kepada Ketua Pengarah JKR bagi melaksanakan tanggungjawab ini.

9. DOKUMEN PERJANJIAN BAGI PROJEK AMBIL ALIH DARIPADA AGENSI LAIN

Bagi projek di mana dokumen perjanjian telah ditandatangani di antara agensi lain dengan perunding sebelum diserahkan kepada JKR, dokumen perjanjian tersebut adalah diiktiraf sebagai dokumen perjanjian asal perkhidmatan perunding. Sebarang keperluan pindaan seperti *Government's Representative (GR)* hendaklah dimasukkan sebagai Perjanjian Tambahan.

Bagi projek di mana dokumen perjanjian belum ditandatangani antara agensi lain dengan perunding dan perkhidmatan telah dimulakan sebelum diserahkan kepada JKR, JPP Cawangan di Ibu Pejabat JKR/JKR Negeri/JKR Unit Khas yang berkenaan hendaklah merujuk dan membawa perkara ini kepada JPPJ terlebih dahulu untuk pertimbangan selanjutnya.

10. PENILAIAN PRESTASI PERKHIDMATAN PERUNDING

Pegawai Meja HODT Cawangan yang berkenaan adalah bertanggungjawab untuk menyedia, mengesahkan, merekodkan dan mengemas kini laporan prestasi perunding berkenaan ke dalam Sistem ePerunding. Bagi projek yang dilaksanakan di JKR Negeri dan JKR Unit Khas, Pegawai Penguasa adalah bertanggungjawab mengemukakan laporan prestasi perunding kepada HODT Cawangan yang berkenaan untuk dikemas kini di dalam Sistem ePerunding.

11. BAYARAN CUKAI

Selaras dengan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (GST) yang berkuat kuasa mulai 1 April 2015, semua perunding yang ditawarkan perolehan bernilai melebihi RM500 ribu dalam tempoh 12 bulan hendaklah berdaftar dengan Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (JKDM). Satu salinan surat kelulusan pendaftaran GST daripada JKDM berserta nombor pendaftaran hendaklah dikemukakan oleh perunding tersebut.

Cadangan Kos yang diterima daripada perunding sama ada melalui kaedah LTBKS, Tender Terhad atau Tender Terbuka hendaklah tidak termasuk kenaan GST. Kenaan GST hanya akan diambil kira di peringkat kelulusan PBM untuk dinyatakan dalam Surat Setuju Terima kepada perunding yang berjaya.

Kenaan GST adalah berdasarkan jumlah keseluruhan kos perkhidmatan perunding iaitu termasuk kos imbuhan balik. Kadar GST adalah tertakluk kepada kadar semasa yang diluluskan oleh Kerajaan.

Jumlah GST ini adalah hanya merupakan kos siling sahaja di mana pembayaran GST kepada perunding akan dibuat berdasarkan tuntutan kos sebenar bagi setiap bayaran kemajuan projek yang telah disemak dan dipersetujui.

Bagi perkhidmatan yang menggunakan/melibatkan guna tenaga asing, cukai yang dikenakan ialah Cukai Pegangan (*Withholding Tax*) berdasarkan Akta Cukai Pendapatan 1967. Kadar cukai pegangan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang diluluskan Kerajaan.

12. SENARAI SEMAKAN PERMOHONAN

Semua permohonan yang dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan JPPJ/MOF hendaklah berdasarkan Senarai Semakan yang dilampirkan.

13. FORMAT PELAPORAN PERKHIDMATAN PERUNDING KEPADA KEMENTERIAN KEWANGAN


13.1. Urusetia JPPJ hendaklah melaksanakan perkara berikut:

- 13.1.1. memantau aktiviti merekod lantikan dan prestasi perunding oleh JKR di dalam sistem ePerunding (Modul Merekod Lantikan dan Modul Penilaian Prestasi Perunding) dan mencetak laporan pelantikan dan prestasi perunding daripada sistem ePerunding pada setiap tiga (3) bulan sebagai bukti; dan
- 13.1.2. merekodkan maklumat tambahan di format seperti di Lampiran D dan E pada setiap tiga (3) bulan mulai 1 Januari 2016 dan dikemukakan kepada MOF bersama-sama cetakan laporan di perenggan 13.1.1 di atas.




PROSEDUR OPERASI PIAWAI
(STANDARD OPERATING PROCEDURES)
PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

LAMPIRAN 1 : PROSES PELANTIKAN PERUNDING BAGI PROJEK BARU



**PROSES PELANTIKAN PERUNDING BAGI PROJEK AMBILALIH
DARIPADA AGENSI PELANGGAN**



SENARAI SEMAK PERMOHONAN

SOP-JPP/17



SENARAI SEMAK DOKUMEN

**PERMOHONAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING (LANTIKAN TERUS BESERTA KOS SILING)
DI BAWAH KUASA JPPJ / LEMBAGA PEROLEHAN 'A' JKR/ KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

Nama Projek : _____

Bidang : _____

	<u>Tindakan JPP</u>	<u>Semakan JPPJ</u>
1 Kertas Perakuan Pelantikan Kepada PBM yang lengkap (Lampiran 13A)		
2 Terma Rujukan (<i>Term Of Reference</i>) yang diluluskan (Lampiran 13A1) - Sila sertakan Ringkasan Projek (Baru/Ubahsui / Terbengkalai)		
3 Anggaran Kos Siling Perkhidmatan Perunding yang diluluskan (Lampiran 13A1)		
4 Pengesyoran dan perakuan Perunding oleh JPP (Lampiran 13A1) - JPP hendaklah mengesyorkan 3 (tiga) nama dan memperakukan 1 (satu) nama perunding beserta dengan justifikasi pemilihan		
5 Minit Mesyuarat JPP bagi item 4		
6 Surat Kelulusan Peruntukan / PDA		
7 Profil Perunding dan Laporan Penilaian Prestasi Perunding (Cetakan e-Perunding)		
8 Lampiran 'L' Pelantikan Firma Perunding Secara Lantikan Terus Beserta Kos Siling (sekiranya perlu dimajukan ke Kementerian Kewangan)		
9 Justifikasi bagi item 8		
10 Salinan Lantikan JPP		

UNTUK KEGUNAAN URUSETIA JPPJ SAHAJA

1 Tarikh Permohonan diterima :

2 Permohonan di bawah bidang kuasa:

☐ Kementerian Kewangan Malaysia

☐ Jawatankuasa Pelantikan Perunding Jabatan (JPPJ) / Lembaga Perolehan 'A' JKR

3 Tarikh Semakan :



FORMAT KERTAS PERAKUAN KEPADA PBM
PELANTIKAN PERUNDING
SECARA LANTIKAN TERUS BERSERTA KOS SILING

Tajuk Permohonan: Nama Projek/Kajian

Jenis Permohonan: Kelulusan Pelantikan Perunding Secara Lantikan Terus Berserta Kos Siling

Kod dan Nama Bidang Perkhidmatan Perunding: (sila senaraikan)

BIL.	PERKARA	
1.	TUJUAN & JUSTIFIKASI PERMOHONAN (sila nyatakan)	
2.	MAKLUMAT PROJEK/KAJIAN	
	a. Tajuk Projek/Kajian	: (sila nyatakan tajuk mengikut nama projek/kajian yang telah diluluskan oleh EPU)
	b. Sumber Pembiayaan	: Sila tandakan "✓" pada kotak yang berkaitan ☐ Kerajaan Persekutuan ☐ Kerajaan Negeri ☐ Bank Dunia ☐ PFI ☐ Bank Pembangunan Asia ☐ Lain-lain : (sila nyatakan)
	c. Jenis Peruntukan	: Sila tandakan "✓" pada kotak yang berkaitan ☐ Pembangunan ☐ Mengurus ☐ Lain-Lain : (sila nyatakan)
	d. Kod Setia (untuk peruntukan pembangunan sahaja)	: (sila nyatakan 14 digit nombor kod setia)
	e. Siling Peruntukan Projek/Kajian Yang Diluluskan EPU	: (sila nyatakan kos siling dalam RM bagi projek/kajian yang akan dilaksanakan)
	f. Kategori Projek/Kajian	: Sila tandakan "✓" pada kotak yang berkaitan ☐ Pembangunan Fizikal ☐ Kajian Fizikal ☐ Kajian Bukan Fizikal ☐ Alam Sekitar ☐ Ukur Tanah
	g. Peruntukan Tahun Semasa	: (sila nyatakan)
	h. Tempoh Projek/Kajian	: (sila nyatakan dalam bulan/minggu)
	i. Lokasi Projek/Kajian	: (sila nyatakan)
	j. Kementerian/Agensi Pengguna	: (sila nyatakan)
	k. Kementerian/Agensi Pelaksana	: (sila nyatakan)
3.	MAKLUMAT LANTIKAN	
	a. Kaedah Lantikan	: Lantikan Terus Berserta Kos Siling
	b. Kaedah Pembayaran	: Sila tandakan "✓" pada kotak yang berkaitan ☐ Skala Yuran Piawai ☐ Input Masa




c. Tempoh Perkhidmatan Perunding	:	(sila nyatakan tempoh dalam bulan/minggu)				
d. Skop Perkhidmatan Perunding	:	Pembangunan Fizikal		Kajian		
		Sila tandakan(✓) pada skop yang berkaitan		Sila tandakan(✓) pada skop yang berkaitan		
		Reka bentuk Skematik		Penyediaan Pelan Induk		
		Reka bentuk Terperinci		Kajian Kejuruteraan/Teknikal		
		Peringkat Pembinaan		Perancangan Bandar & Wilayah		
		Pengawasan Tapak		Kajian Alam Sekitar		
		Ukur Tanah		Lain-lain: (sila nyatakan)		
		Penyediaan Dokumen Tender				
		Additional/Special Service				
e. Anggaran Kos Siling Perkhidmatan Perunding Yang Dipohon Agensi (mengikut bidang)	:	Bidang	Yuran Perunding (YP) (RM)	Kos Imbuan Balik (IB) (RM)	GST 6% x (YP+IB)	Jumlah (RM)

4. SYOR AGENSI & JUSTIFIKASI SYOR (sila perakukan 3 firma mengikut keutamaan bagi setiap bidang)

Bil.	Nama Perunding	Pendaftaran MOF	No. Pendaftaran MOF / ROC	Prestasi Semasa Perunding	Kod Bidang	Maklumat Perunding
1	Firma XYZ	(Berdaftar/ Tidak Berdaftar/ Perunding Asing)	465-XXXXXXX (sekiranya berdaftar); Atau No. ROC (sekiranya tidak berdaftar)	(Rujuk Sistem e-Perunding)	(sila nyatakan kod bidang firma)	i. Bil kakitangan ikhtisas: ii. Peratus Ekuiti Bumiputra/Bukan Bumiputra/Asing/Kerajaan iii. Lokasi Ibu Pejabat iv. Lokasi Cawangan: v. Tarikh Lantikan Akhir oleh Agensi Lain: vi. Tarikh Lantikan Akhir oleh JPPJ/LP'A' JKR/MOF: vii. Bil & Jumlah nilai lantikan firma bagi projek/kajian untuk 3 tahun terkini viii. Bil & Jumlah nilai kerja dalam tangan sama ada projek/kajian Kerajaan/Swasta ix. Sekiranya perunding asing, nyatakan lokasi asal firma/individu (citizenship) x. Justifikasi pemilihan perunding

6. SENARAI LAMPIRAN

- Surat Pemohonan Agensi
- Terma Rujukan
- Perincian Anggaran Kos Perkhidmatan Perunding
- Salinan surat Kelulusan Peruntukan EPU
- Salinan kebenaran bertulis daripada Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa



	vi. Salinan Surat Pelepasan Jabatan Teknik/MAMPU/JPICT
	vii. Profil Firma Perunding (Janaan daripada sistem e-Perunding)
	viii. Profil Firma Perunding Yang Tidak Berdaftar/Asing (diperolehi daripada firma tersebut) berserta surat kelulusan Kementerian Kewangan (jika berkaitan)
	ix. Lain-lain yang berkaitan
7.	MAKLUMAT PEGAWAI MEJA AGENSI
Nama Agensi	:
Alamat Agensi dan Unit	:
Nama Pegawai	:
Jawatan	:
No. Telefon Pejabat	:
No Telefon Bimbit	:
No. Faks	:
E-mel Rasmi	:
No. Rujukan Fail Agensi	:



**KELULUSAN TERMA RUJUKAN (TOR) DAN PERINCIAN KOS BAGI LANTIKAN TERUS BESERTA
